



Faculty of Cognitive Science and Human Development

**RENE DESCARTES DAN B.F SKINNER:
IDENTITI DIRI**

Norismani Bt. Mohamed Shohor

BF
658
N841
2003

KOTA SAMARAHAN
2003

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

RENE DECARTES DAN B.F SKINNER :
IDENTITI DIRI

Saya NORISMANI BT MOHAMED SHOHOR

Mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. **sila tandakan ()

- SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di man penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

(NORISMANI BT MOHAMED
SHOHOR)

F-63 Kg. Kuchai, Lambor Kiri,
32900 Lambor Kanan,
Perak Darul Rizuan

Tarikh: _____

Disahkan oleh


(EN ZAIMUARIFFUDIN SHUKRI NORDIN)

Tarikh: 11 NOVEMBER 2003

Cacatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan sarjana Muda

* Jika tesis ini Sulit atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

RENE DESCARTES DAN B.F SKINNER: IDENTITI DIRI

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



0000116029


Oleh

Norismani Bt. Mohamed Shohor

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Sains Kognitif) dengan Kepujian
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk Rene Decartes dan B.F Skinner: identiti diri telah disediakan oleh Norismani Bt Mohamed Shohor telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(En Zaimuariffudin Shukri B. Nordin)

11/11/2003 Tarikh:

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Encik Zaimuariffudin Shukri B. Nordin atas bimbingan, idea dan tunjuk ajar beliau semasa dan selepas saya menyiapkan projek tahun akhir saya. Terima kasih juga juga ditujukan kepada Encik Tan Kock Wah atas tunjuk ajar dan sumbangan idea beliau semasa menyiapkan tugas ini.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada keluarga saya yang telah banyak menghulurkan sokongan mental dan material kepada saya dalam proses menyiapkan projek ini. Selain itu saya ingin tujuakan ribuan terima kasih kepada rakan seangkatan saya Masirah Mansor, Nurfaizaitul Akmar Madelli dan Nor Hayati Muhamad yang telah bersama-sama membantu menyiapkan projek ini .

Tidak lupa juga ucapan ini ditujukan kepada rakan-rakan ambilan November dan ambilan Mei serta kepada individu yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung semasa dan selepas projek ini dijalankan.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Gambarajah	v
Senarai Jadual	vi
Abstak	vii
Abstract (italik)	viii
1.0 Pengertian identiti diri – "personal identity"	1
1.1 Objektif	2
1.1.1 Objektif khusus	2
1.1.2 Objektif umum	2
1.2 Skop kajian	2
1.3 Methodologi kajian	3
1.4 Sorotan kajian	3
1.5 Pengenalan: Definisi identiti diri menurut falsafah	3
1.6 Sorotan kajian	5
1.7 Pengenalan dan latar belakang tokoh: Rene Decartes	6
1.7.1 Personal identity dari Rene Decartes (ahli falsafah)	6
1.7.2 Teori Dualisme	7
1.7.2.1 Prinsip saling tindak (interaction)	7
1.7.2.2 Prinsip kesejajaran (parallellism)	8
1.7.3 Aplikasi dualisme dalam kehidupan seharian	9
2.0 Pengenalan : Definisi identiti diri menurut psikologi	11
2.1 Latar belakang tokoh: Burrhus Fredic Skinner	11
2.2 Identiti diri dari B.F Skinner (ahli psikologi)	12
2.3 Teori Behaviorisme	12
2.3.1 Tingkahlaku responden	12
2.3.2 Sorotan eksperimen	12
2.3.3 Proses pembentukkan tingkahlaku	20
2.3.4 Tingkahlaku "superstitious"(kebetulan)	21
2.3.5 Tingkahlaku kawalan kendiri	22
2.4 Aplikasi perlaziman operan dalam kehidupan	25
3.0 Rumusan dan cadangan	27
3.1 Perbandingan kedua-dua teori: Dualisme dan Behaviorisme	27
3.2 Rumusan	29
3.3 Cadangan	29
3.4 Kesimpulan	31
4.0 Rujukan	31

SENARAI GAMBARAJAH

GAMBARAJAH 1: Menunjukkan pertalian antara identiti diri dengan minda dan raga	5
GAMBARAJAH 2 : The map of the mind	9
GAMBARAJAH 3 : Behaviorist view of learning - Eksperimen Ivan Povlov	13
GAMBARAJAH 4: Eksperimen B.F Skinner (menunjukkan bagaimana eksperimen ke atas tikus dijalankan.)	14
GAMBARAJAH 5: Menunjukkan tindakbalas tikus yang lapar mendapatkan makanan.	15
GAMBARAJAH 6: Menunjukkan respons terhadap peneguhan (<i>reinforcement</i>)	16
GAMBARAJAH 7 : Menunjukkan eksperimen burung merpati	17
GAMBARAJAH 8: Imej sifat-sifat manusia	19
GAMBARAJAH 9: Tip mengenalpasti respon berdasarkan berdasarkan tingkah laku individu (<i>Tip for identifying contingent response</i>)	21
GAMBARAJAH 10: Menunjukkan proses “condition” berlaku daripada Eksperimen Ivan Povlov	24
GAMBARAJAH 11: Menunjukkan hubungan antara stimulus dan tindak balas dalam menghasilkan tingkah laku manusia.	25

SENARAI JADUAL DAN GRAF

GRAF 1: Tindak balas tikus	18
GRAF 2: Menunjukkan jadual jeda peneguhan	20
Jadual 1: Menunjukkan perbandingan antara behaviorism dan dualisme secara kasar	28

ABSTRAK

RENE DESCARTES DAN B.F SKINNER : IDENTITI DIRI

Norismani Mohamed Shohor

Pada umumnya, projek ini bertujuan untuk mengkaji identiti diri atau “personal identity” menerusi kaca mata dua tokoh yang terkemuka dalam bidang falsafah dan bidang psikologi iaitu Rene Decartes dan B.F Skinner. Selain itu projek ini bertujuan untuk mendalami maksud sebenar keperibadian tingkahlaku manusia secara umum dan membandingkannya dengan pandangan kedua-dua tokoh berkenaan dengan menggunakan pendekatan “dualisme” dan “behaviorisme”. Menerusi projek ini, kepentingan kedua-dua teori dapat dilihat dan dapat dibuat perbandingan secara kasar serta melihat penggunaannya dalam kehidupan scharian.

ABSTRACT

RENE DESCARTES AND B.F SKINNER : PERSONAL IDENTITY

Norismani Bt Mohamed Shohor

Generally, this project aims to perform a preliminary explore into the meaning of personal identity through two famous person in philosophy and psychology field; they are Rene Descartes and B.F Skinner. In other hand, these projects are supposed to understanding the meaning of personality of person with generally and differentiated the idea both person with dualism and behaviorism. With this project, the essential of both theory can be generally differentiated and the application of the usage in daily live can be determine.

BAB I

Pengenalan

1.0 Pengertian Identiti Diri - “*personal identity*”

Secara umumnya identiti diri atau *personal identity* dikenali sebagai sifat-sifat, ciri-ciri atau sahsiah dan peribadi yang dimiliki oleh seseorang individu,

Menurut Imam Al-Ghazali

“*Identiti diri merupakan sesuatu yang dapat menerangkan tentang jiwa individu dan wujud daripada semua perbuatan yang senang dan mudah ia tidak memerlukan pemikiran dan penelitian*”. (Yunus Masjid 1985)

Realitinya manusia sering mencari dan cuba mengenal diri sendiri dan sering kali membuat pelbagai tanggapan untuk menemui jawapan siapa diri dan bagaimana, apa dan kenapa ia berlaku. Persoalan demi persoalan akan cuba dikaitkan untuk melihat sejauh mana individu itu dapat mengenal diri sendiri. Kita selalu mengaitkan hubungan dalam diri dengan persekitaran, malah kadangkala keliru dengan apa yang berlaku dan selalunya dalam membuat perbezaan dari aspek mental dan fizikal.

Aktiviti mental selalu dikaitkan dengan pemikiran, perasaan, membuat keputusan, harapan, imiginasi, permintaan dan lain-lain malah ia wujud dalam keadaan yang tidak jelas, tidak dapat dilihat, disentuh tetapi dapat dirasai, manakala daripada aspek fizikal adalah sesuatu yang boleh dilihat dan disentuh seperti otak, angota badan dan lain-lain. Namun begitu adalah sesuatu yang agak sukar untuk memahami perkaitan antara kedua komponen utama dalam diri individu iaitu perkaitan antara minda dan raga atau lebih dikenali dengan “*mind and body*”. Minda (*mind*) merupakan satu perkataan yang sinonim dengan perasaan, perhatian, kosentrasi, pintar atau cara berfikir. Manakala raga (*body*) adalah jasad atau luaran minda manusia.

Manakala menurut Allport (1966)

“*Identiti diri merupakan suatu organisasi yang dinamik dalaman individu di mana ia merangkumi sistem psiko fizikal yang menentukan bagaimana individu menyesuaikan diri dengan persekitaran. Dinamik dalam erti kata beliau adalah merujuk kepada keadaan semulajadi personaliti yang terus berkembang dan berubah-ubah, psiko fizikal pula adalah merujuk kepada elemen-elemen yang wujud dalam diri manusia seperti kepercayaan, kebiasaan, nilai emosi dan sebagainya*”. (Azlina Abu Bakar @ Mohd (2002))

Selain itu eleman berkenaan adalah sesuatu yang dapat diwarisi serta diperolehi daripada proses pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Pelbagai faktor yang dapat menyumbang ke arah pembentukkan identiti diri, dan terdapat dua faktor yang paling utama dalam pembentukkan identiti ialah faktor persekitaran dan dalaman individu. Faktor-faktor

berkenaan adalah terlalu subjektif dan ia adalah bergantung kepada pandangan yang tersendiri oleh individu itu sendiri, oleh sebab yang berkenaan dalam mengupas isu identiti diri manusia saya telah memilih dua orang tokoh yang terkenal dalam bidang yang berbeza tetapi mereka telah banyak memberikan sumbangan idea yang berasas malah idea mereka telah menjadi asas kepada perkembangan idea tokoh-tokoh yang lain, tokoh-tokoh berkenaan ialah Rene Decartes dan B.F Skinner.

Rene Decartes merupakan tokoh falsafah yang terkemuka, beliau banyak memberikan sumbangan idea berkaitan identiti diri, beliau berpendapat aktiviti pembentukkan diri adalah berkaitan dengan proses dalam minda malah beliau telah banyak mengupas isu minda dan raga (*mind and body*) serta telah memperkenalkan teori “*dualisme*”. Manakala B.F Skinner banyak menyumbang idea berkaitan dengan tingkah laku manusia. Beliau merupakan salah seorang tokoh yang bertanggungjawab dalam mengembangkan konsep “*behaviorisme*” dalam proses tingkah laku manusia secara pemerhatian tanpa mengambil kira proses kognitif manusia.

Secara umumnya kedua-dua teori adalah adalah bertentangan antara satu sama lain kerana menggunakan pendekatan yang berbeza dan mengikut pandangan dalam bidang tertentu, perbezaan berkenaan adalah sesuatu yang menarik untuk dikongsi bersama dan dapat digunakan dalam kehidupan seharian untuk pembentukkan identiti diri sama ada secara individu, kelompok masyarakat, budaya kerja dan sebagainya.

1.1 Objektif

1.1.1 Objektif khusus

Secara umumnya kajian ini ingin menumpukan perhatian dan pendapat serta penemuan mengenai konsep identiti diri atau *personal identity* dan melihat perhubungan diantara minda dan raga manusia “*mind and body*” serta melihat perkaitan tindak balas antara kedua komponen tersebut membentuk kewujudan identiti dalam diri individu. Selain itu, cuba menghuraikan dapatan dan penemuan dalam usaha menghuraikan persoalan yang berkaitan identiti diri manusia.

1.1.2 Objektif umum

Kajian ini ingin menghuraikan segala dapatan yang diperolehi daripada hasil kajian yang telah dilakukan oleh ahli falsafah dan ahli psikologi berdasarkan teori dan eksperimen dalam menyokong dapatan yang dibuat mengenai pembentukkan identiti dalam diri individu (*personal identity*). Hasil kajian ini diharapkan dapat melihat perbandingan dapatan daripada dua sumber pandangan yang berbeza berdasarkan bidang falsafah dan bidang psikologi terhadap identiti diri atau “*personal identity*” dan diharapkan dapat menghuraikan sejauh mana pengaruh bidang falsafah terhadap pembentukkan proses kognisi manusia serta pembentukkan keperibadian dalam dan luar individu.

1.2 Skop kajian

Kajian ini adalah lebih mengfokuskan kepada konsep identiti diri atau “*personal identity*” yang meliputi pandangan serta pendapat daripada Decartes dan B.F. Skinner. Penjelasan ini diharapkan dapat menunjukkan pengaruh minda dan raga (*mind and body*) dalam identiti diri berdasarkan penjelasan daripada dua pandangan falsafah dan psikologi. Selain itu, kajian ini

cuba menghuraikan apakah kekuatan dan kecenderungan daripada dua sudut pandangan terhadap identiti diri iaitu dari skop psikologi dan falsafah.

1.3 Methodologi kajian

Kajian ini mengfokuskan kepada pandangan, teori dan eksperimen yang dihasilkan oleh ahli falsafah iaitu Decartes dan ahli psikologi B.F. Skinner. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kualitatif iaitu dengan menggunakan pendekatan analitik dan deskriptif iaitu pembacaan banyak bahan bacaan atau dokumen yang berkaitan dalam bidang falsafah dan bidang psikologi. Bahan bacaan dan dokumen yang digunakan adalah diakui dan diperolehi daripada sumber yang diiktiraf seperti Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS) UNIMAS, Pustaka Negeri, Perpustakaan Negeri dan dari internet. Kebanyakan bahan bacaan dan rujukan adalah sumber sekunder berbanding sumber primer. Sumber sekunder ini, ialah bahan yang telah ditulis daripada sumber primer seperti buku ilmiah, artikel dan jurnal serta internet.

1.4 Sorotan kajian

Pelbagai kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan terhadap pembentukan indentiti terhadap individu daripada banyak perspektif seperti dari perspektif falsafah dan perspektif psikologi. Senario identiti diri daripada aspek falsafah kajian dan penyelidikan yang dilakukan lebih kepada teori dari aspek kognisi dan kognitif manusia (pemikiran), berbanding dalam bidang psikologi, kajian dan penyelidikan banyak dilaksanakan dalam bentuk eksperimen sama ada berdasarkan situasi yang sebenar dan situasi asimilasi seperti penggunaan haiwan eksperimen dan diadaptasi ke dalam kehidupan manusia.

1.5 Pengenalan : Definisi identiti diri (*personal identity*) menurut falsafah

Ilmu falsafah secara umumnya mengambilkira, faktor dalaman dan luaran individu bagi menghasilkan Sesatu doktrin, dan banyak melibatkan proses kognisi manusia sebagai atas analisis. Proses berkenaan adalah melibatkan minda dan raga manusia.

Minda dan raga (*Mind and body*) wujud secara semulajadi dalam diri setiap individu dan hubungan diantara keduanya adalah sangat rapat dan mempengaruhi antara satu sama lain. Raga adalah sesuatu yang agak sukar ditafsirkan walaupun ia adalah sesuatu yang dapat disentuh dan dapat dilihat tetapi ia agak sukar untuk ditafsirkan berlainan pula dengan minda kerana ia merupakan sesuatu yang tidak dapat dilihat dan tidak dapat disentuh tetapi dapat difahami malah adalah sukar untuk menjelaskan keadaan minda kerana ada perkaitan dengan raga.

Menurut Richard Taylor (2000),

"One of the central issues in metaphysics is commonly referred to by philosophy as 'the mind body problem' difficulty is to explain how our minds, our processes are related to our body". (Steven M. Cahn (2000))

Memahami minda dan raga adalah suatu yang sangat kompleks dan melibatkan pelbagai pertanyaan dalam diri setiap individu antara persoalan yang wujud adalah seperti;

i) Apakah diri individu ?

Kadangkala soalan ini wujud ketika diri manusia ingin mengenal diri sendiri kerana terdapat kekeliruan dan perasaan ingin tahu dan lebih mengenali diri sendiri dan adakah selama ini ia kenal akan dirinya.

ii) Apakah persoalan yang berkaitan dengan identiti yang akan timbul

Persoalan identiti akan timbul scandainya berlaku konflik dalaman sama ada secara semula jadi atau kebetulan berlaku dalam diri individu berkenaan.

iii) Apakah identiti diri?

Akibat daripada konflik persoalan identiti dan persoalan terhadap identiti diri akan wujud secara spontan kerana ia saling berkaitan antara satu sama lain.

iv) Bagaimanakah identiti dapat mengukaikan kebarangkalian masalah yang dibina oleh identiti diri

Pelbagai cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh individu atau subjek untuk melihat kemungkinan penyelesaian masalah terhadap identiti diri yang wujud dalam diri individu berkenaan.


Menurut Decartes (1640);

"I exist, I'm not body, and I do not have a body. In other words it is possible that I'm nothing but a mind existing without a body." (Lycan.W.G(1995))

Hubungan diantara minda dan raga adalah sesuatu yang sangat unik kerana interaksi berlaku menerusi perantaraan yang akan bertindak menyampaikan maklumat melibatkan proses daripada luaran kemudiannya diproses dan tindak balas hasil daripada proses maklumat yang diterima. Secara saintifiknya, perantara berkenaan adalah neuron, yang berfungsi sebagai menghubungkan maklumat yang diperolehi daripada raga dan disampaikan kepada minda (ransangan) dan maklumat daripada minda ke raga sebagai proses tindak balas daripada ransangan yang diperolehi.

Identiti diri menerangkan keadaan dalam minda dengan peristiwa yang berlaku di persekitaran individu, dalam masa yang sama terdapat proses dalam otak yang berlaku dan berperanan menerangkan peristiwa yang berlaku. Gambarajah 1 menunjukkan pandangan daripada dua perspektif dan mengambarkan proses yang berlaku dalam minda dan proses menerangkan keadaan peristiwa dalam minda manusia dan mempengaruhi identiti diri manusia.

Berdasarkan gambarajah 1 proses identiti diri berlaku daripada rangsangan daripada luaran iaitu pancaindera, angota badan dan dapat digambarkan melalui kesakitan, gembira, sedih dan sebagainya. Akibat daripada rangsangan berkenaan proses dalam otak manusia seperti di dalam cerebellum, simulasi dan sebagainya. Pertalian berkenaan wujud secara semulajadi dan merupakan proses tindakbalas antara tingkahlaku dan identiti diri individu.



Gambarajah 1: Menunjukkan pertalian antara identiti diri dengan minda dan raga
Sumber : Solomon.R, C (1990)

Hubungan yang rapat ini pelbagai perkara yang dapat wujud sama ada secara sedar (*consciousness*) dan tidak sedar (*unconsciousness*) seperti pembentukan keperibadian identiti diri seseorang, hasil pelbagai pembentukan keputusan cara keputusan yang dibuat oleh individu dengan individu yang lain adalah berbeza.

1.6 Sorotan kajian

Pelbagai kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan terhadap pembentukan indentiti terhadap individu daripada banyak perspektif seperti dari perspektif falsafah dan perspektif psikologi. Jika kita lihat senario identiti diri daripada aspek falsafah kajian dan penyelidikan yang dilakukan lebih kepada teori dari aspek kognisi dan kognitif manusia (pemikiran), berbanding dalam bidang psikologi, kajian dan penyelidikan selalu dilaksanakan dalam bentuk eksperimen sama ada berdasarkan situasi yang sebenar dan situasi asimilasi seperti penggunaan haiwan eksperimen terhadap identity diri adalah sesuatu yang sinonim dengan personaliti kerana ia merupakan lahiriah dalam diri individu bagi sesebuah kehidupan. Penentuan dan pembentukkan identiti dalam diri individu adalah amat penting kerana dengan menggunakan pendekatan yang berkesan dapat membina identiti yang tersendiri malah lebih berkualiti.

Menurut Rusell ,

" personal identity or of the special relation in which the elements that make up a person's mind stand to the particular physical object which is that person's body".(Richard L. Gregory & G.L Zargwill (1987).)

Identiti diri merupakan sesuatu yang sangat subjektif dan ia adalah tidak terhad hanya zat raga dan minda (*mind and body*) sahaja namun ia merupakan satu proses yang melibatkan proses dalaman interaksi fungsi dalam minda dan tingkah laku (*both body and mind*). Proses analisis tersebut tidak mudah dan ia amat sukar untuk dijelaskan dalam satu aspek sahaja. Setiap individu mempunyai cara proses dan analisis yang tersendiri yang unik dan dipengaruhi dari pelbagai aspek seperti jangka masa, pengalaman lepas, pengetahuan, persekitaran dan sebagainya. Malah keadaaan ini telah menjadikan individu adalah berbeza antara satu sama lain kerana dalam diri setiap individu ada kelemahan dan kekurangan.

Menurut Aldo Tassi dalam buku beliau 'Philosophy Today' (1993),

"Explored the idea of a person or mask that an actor puts on. The actor projects a sense of self-the self who is the character in the play. In doing so the actor withdraws his own identity. In the theatre, the actor can go off stage and revert to his own identity." (Mel Thompson (1999))

Beliau menyatakan, individu itu dapat membina karakter mereka berdasarkan keinginan tetapi bukan secara diluar kemampuan individu itu sendiri kerana individu berkenaan hanya akan bertingkah laku berdasarkan proses yang berlaku dalam minda dan di atas kesedaran serta kehendak mereka sendiri. Manusia diibaratkan sebagai pelakon malah memegang watak utama dipentas dunia dan mereka akan sentiasa melakonkan watak yang telah diberikan kepada mereka dalam sesuatu babak lakonan. Ini jelas menunjukkan hubungan antara minda dan raga adalah bergantung kepada pendirian, matlamat, kehendak dan kemauan individu itu sendiri. Berdasarkan suasana teater, pelakon akan menguasai pentas dan menguasai penonton yang menonton, ini jelas dalam kehidupan sebenar pandangan dan persepsi individu terhadap individu yang lain adalah berdasarkan tingkah laku yang ditonjolkan oleh individu berkenaan.

Menurut Gilbert Ryle (1900-1978),

"Was an oxford don, the author of concept mind (1946), and a leading proponent of philosophical behaviorism. Mental type terms in fact refer to disposition to behave, not to "ghostly private occurrences" (Solomon.R,C (1990))

1.7 Pengenalan dan latar belakang tokoh: Rene Decartes (1596 - 1650)

Rene Decartes merupakan bapa kepada falsafah moden di barat dan perintis kepada falsafah barat. Beliau merupakan seorang yang berpengaruh dan beliau adalah ahli falsafah berbangsa Perancis. Selain itu beliau juga merupakan tokoh matematik yang terkenal. Pada beliau ilmu falsafah merupakan sesuatu yang dapat derti katakana sebagai satu ilmu asas segala ilmu asas pengetahuan berkaitan diri manusia dan alam semulajadi serta perkara yang berlaku sebaliknya

Beliau dilahirkan di La Haye, Touraine pada 31 Mac 1596, beliau telah memperolehi pendidikan awal di kolej Jesuit di La Fleche pada 1606-1614. Pada 1616 beliau telah melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang Beliau berpengetahuan luas dalam bidang matematik, falsafah, optik, psilogi, muzik dan mesin. Pada 11 Februari 1650 telah meninggal dunia di Stockholm semasa beliau berusia 54 tahun.

1.7.1 Identiti diri dari Rene Decartes (ahli falsafah)

"whatever I perceive very clearly and distinctly is truly"

Hujah-hujah yang diutarakan oleh Decartes:

"I can clearly and distinctly conceive in the absence of my body".

"Therefore my mind could exist without my body".

"I can clearly and distinctly conceive of physical bodies simply as extended matter, without thought".

"Therefore my mind and body are distinct, and I can exist without my body".

Menurut Robert C. Solomon(1990) ,

"The view that all talk of 'mental event' should be translated into talk about tendencies to behave in certain ways".

Decartes berpegang kuat kepada prinsip dualisme iaitu minda (*mind*) dan raga (*body*) adalah berbeza. Beliau berpendapat *mind* dan *body* mempunyai hakikat dan kuasa yang tersendiri. Minda memberi sebarang tindakan kepada raga begitu juga raga dan begitu juga disebaliknya dan ini telah mewujudkan proses saling tindak (*interaction*).

Proses *interaction* bagi Decartes ialah prinsip *dualistic interaction* iaitu dua unsur yang saling bertindak malah prinsip ini mengatakan hubungan di antara minda dan raga adalah hubungan yang pasti di mana keduanya saling berinteraksi antara satu sama lain semasa pemprosesan maklumat yang disampaikan dan hasil analisis maklumat yang diperolehi. Semasa proses ini berlaku interaksi dua hal ini melibatkan perantara di mana ia berpusat kepada satu titik pertemuan antara minda dan raga iaitu neuron.

1.7.2 Teori: dualisme

Minda berfungsi sebagai mengarahkan raga untuk melakukan sebarang aktiviti yang diberikan kepada raga, namun begitu minda tidak mempunyai kekekuan fizikal oleh sebab yang demikian perhubungan antara kedua aspek ini saling ada perkaitan yang kuat.

Perhubungan yang kuat ini dikenali sebagai hubungan zat yang tidak terikat, ini kerana jika kita lihat sejak lahiriah lagi minda dan raga wujud secara semulajadi, raga hanya dapat berkelakuan jika adanya minda tetapi minda dapat wujud tanpa raga. Jika kita lihat situasi orang yang berada dalam keadaan koma, dia masih dapat berfikir tetapi tidak mampu melahirkan sebarang aktiviti yang memberangsangkan dan begitu juga pada individu yang mengalami lumpuh badan, cacat anggota dan sebagainya. Walaupun demikian anugerah kedua aspek ini adalah kurniaan yang paling berharga buat manusia.

Zat mental adalah minda dan zat fizikal merupakan dua komponen yang berbeza seringkali kita tersalah tafsir dalam menentukan kedua aspek ini. Perbezaan yang wujud ini dikenali sebagai *dualist* dan turut dikenali sebagai “*Cartesian Dualism*”.

Pendapat ini adalah hasil kajian dan konsep yang ingin diutarakan oleh Decartes, malah beliau berpendapat bahawa dalam kehidupan ini, wujud tiga zat iaitu zat mental, zat fizikal dan yang ketiga adalah tuhan.

Konsep *dualisme* adalah kewujudan dua zat yang berbeza iaitu zat minda dan zat raga yang di mana kedua-duanya mempunyai fungsi yang tersendiri kerana minda berfungsi sebagai memberikan sebarang tindakan kepada raga, contohnya minda memberi rasa lapar dan minda juga memberikan kesan kepada raga seperti pergi ke kantin untuk makan, tindak balas ini adalah dikenali sebagai saling tindak (*interaction*).

1.7.2.1 Prinsip saling tindak (*interaction*)

Proses ‘saling tindak’ yang berlaku dalam minda dan raga adalah terjadi secara berterusan kerana secara saintifiknya dalam otak manusia terdiri daripada sel saraf, neuron dan sebagainya yang mempunyai fungsi tersendiri dalam menyampaikan dan berlakunya proses “*transformation information*” antara minda dan raga, di dalam ilmu falsafah ia dikenali sebagai ‘organ kecil’ atau ‘saraf otak’.

Fenomena ‘saling tindak’, menunjukkan perhubungan antara minda dan raga walaupun begitu terdapat persoalan yang menimbulkan tanda tanya bagaimana rupa kewujudan perhubungan antara minda dan raga. Sejarah itu, Decartes telah memperkenalkan satu penyelesaian dengan mengutarakan pendapat mengenai ‘keadaan minda’ atau “*state of mind*” yang merupakan peristiwa (*occasion*).

Peristiwa yang berlaku di dalam minda iaitu keadaan minda telah menyebabkan perubahan fizikal yang berlaku di dalam raga atau ‘keadaan raga’ (*state of body*) yang merupakan peristiwa (*occasion*). Scenario tersebut adalah merupakan perubahan yang berlaku di dalam minda seorang manusia.

Tokoh falsafah tersebut, berpegang kepada prinsip “*dualistic interactionism*” iaitu unsur yang saling bertindak. Berdasarkan prinsip tersebut, perhubungan antara minda dan raga adalah saling berkaitan kerana secara lahiriahnya kehidupan ini setiap benda yang wujud adalah berpasang-pasangan contohnya lelaki dan perempuan, baik dan buruk, objektif dan subjektif, kuat dan lemah, pandai dan bodoh dan begitu juga perkaitan antara minda dan raga malah perkaitan inilah saling melengkapi antara satu sama lain dan penting dalam kehidupan manusia sejagat.

Proses ‘saling tindak’ di antara minda dan raga berlaku secara perantaraan dan jika kita lihat dari mata saintifik perantaraan tersebut adalah lebih dikenali sebagai neuron di mana ia berfungsi sebagai menyampaikan dan menerima proses pertukara maklumat di dalam minda dan raga. Proses saling tindak tersebut berlaku hanya pada satu titik pertemuan antara minda dan raga. Menerusi proses tersebut akibat dari minda berkenaan terus membawa maklumat ke seluruh bahagian badan manusia yang terlibat, kemudian kesan akibat daripada semua bahagian badan akan dipindahkan terus pada minda dan perhubungan ini dikenali dengan ‘hubungan perantaraan’ atau “*intermediate contact*.”

Proses yang berlaku diantara minda dan raga adalah terlalu cepat dan kompleks kerana ia terjadi menerusi proses salaing tindak minda dan raga di mana otak adalah merupakan satu titik permulaan. Situasi berkenaan telah mewujudkan segala sebab dan kesan sama ada ia dilahirkan daripada minda dan raga berlaku, contohnya apabila kita berasa lapar dan sedih. Minda, misalnya A berasa lapar dan sedih, maka pada waktu berkenaan lapar melahirkan rasa sedih kerana kesengsaran yang dihadapi oleh A akibat daripada perperangan.

1.7.2.2 Prinsip kesejajaran (parallelism)

Minda dan raga merupakan “*dual-substance*” yang berbeza kerana kedua-duanya saling bertindak kerana melaksanakan aktiviti berdasarkan fungsi. Walaupun begitu tokoh falsafah tersebut menyatakan proses di dalam minda dan raga berlaku secara serentak, contohnya pergerakan jari bukan berpunca dari kemahuan minda semata tetapi kesejajaran yang berlaku antara minda dan raga.


Kesajaran yang berlaku antara minda dan raga berlaku dalam setiap tingkah laku ini adalah kerana proses saling tindak dan kesajaran sentiasa berlaku di dalam proses pertukaran maklumat antara minda dan raga.

Proses ini menjelaskan perkaitan antara minda dan raga sangat kuat kerana hubungan proses yang berlaku dalam minda adalah berpunca daripada raga. Raga berfungsi sebagai punca aliran proses dan minda berfungsi sebagai agen bertindak semasa proses dan selepas proses di

mana ia akan mengendalikan setiap maklumat yang diterima dan memberikan tindakbalas yang sepatutnya dilakukan oleh raga. Proses berkenaan berlaku dengan kadar yang terlalu pantas dan melibatkan proses yang begitu kompleks di dalam minda dan anggota badan manusia. Contohnya seandainya jari A terkena pisau, dan secara logiknya luka berkenaan akan menyebabkan rasa sakit dan akibat daripada rasa sakit tersebut akan mengambil tindakan membalut luka berkenaan ini menunjukkan hubungan dalam minda teransang akibat A terluka dan proses dalam minda berlaku setelah tindakan A membalut luka berkenaan untuk mengurangkan kesakitan.

Proses kesasajaran sentiasa berlaku dalam kehidupan sehari-hari tanpa kita sedari ia sentiasa berlaku dan kewujudan hubungan berkenaan adalah terlalu dinamik dan kompleks.

1.7.3 Aplikasi dualisme dalam kehidupan sehari-hari:



Gambarajah 2 : Peta Minda

Sumber : Nigel Warburton (1999)

Berdasarkan gambarajah 2, menunjukkan hubungan diantara tiga faktor yang utama dalam pembentukan identiti diri manusia iaitu faktor pengalaman individu, sikap individu dan tindakan individu dalam melakukan sebarang tindakan yang melibatkan proses kognitif manusia seperti perasaan, penakulan, pemprosesan maklumat dan sebagainya.

Dengan mengaplikasikan konsep dualisme dalam kehidupan secara global ia dapat membantu dalam pembentukan identiti diri yang lebih baik terhadap individu, masyarakat, organisasi dan budaya serta Negara secara amnya.

Contohnya aplikasi dualisme dalam proses pembelajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak yang berada diperingkat pra persekolahan, dengan menyatakan impak baik dan buruknya sekiranya dia tidak menghormati orang tua, dia telah berlaku biadap dan tidak sopan kepada orang tua, berdosa, dan sekiranya dia berlaku sebaliknya dia akan disayangi dan tidak akan dimarahi oleh ibu dan ayah. Sekiranya budaya berkenaan diteladani dan diamalkan apabila dia telah dewasa dia akan menjadi seseorang yang menghormati orang tua dan berakhlek baik apabila berada di khalayak orang.

Menurut Decartes (1596-1650),

"I think, therefore I am" (N. McLaren MBBS Franzcp ())

Berdasarkan kata-kata diatas menunjukkan hubungan diantara minda dan jasad adalah sangat kuat, kerana setiap tingkahlaku yang dilakukan ada perkaitan dengan apa yang difikirkan dan diinginkan atau dalam erti kata lain apa yang diniatkan itulah yang dilakukan. Ini menunjukkan proses di dalam minda adalah amat perlu diutamakan kerana setiap perkara yang dilakukan adalah berpunca dari minda. Jika kita lihat secara lahiriahnya sekiranya individu itu yakin dan bermotivasi melakukan sesuatu perkara walaupun perkara berkenaan adalah baru bagi dirinya ia pasti akan dapat dilakukan dengan jaya, ini kerana perasaan dalaman atau minda menguasai tingkah laku dan identiti individu berkenaan.

BAB 2

2.0 Pengenalan :Definisi identiti diri menurut psikologi

Identiti diri serangkali dikaitkan dengan personaliti individu berkenaan dalam bertingkahlaku. Definisi personaliti merupakan satu yang subjektif, perkataan *persona* membawa maksud topeng yang digunakan dalam pementasan drama.

Menurut Ryckman,2000

"*personaliti merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun yang dimiliki oleh seseorang yang berlaku secara unik dan ia mempengaruhi proses kognitif, motivasi dan tingkahlaku dalam pelbagai situasi*". (Mohd. Salleh Lebar (1999))

Personaliti dianggap pembinaan psikologi dengan melibatkan latar belakang genetik yang unik tambahan lagi sejarah pembelajaran dan faktor-faktor ini mempengaruhi respon terhadap persekitaran. Pada pandapat para pengkaji personaliti merupakan, satu analisis saintifik ke atas perbezaan individu yang melibatkan aspek bagaimana dan kenapa manusia bertindak secara unik dan kreatif terhadap perubahan persekitaran.

2.1 Pengenalan dan latar belakang tokoh: Burrhus Fredic Skinner

Burrhus Fredic Skinner merupakan salah seorang perintis kepada bidang psikologi. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1904 di Pennsylvania dan telah melanjutkan pengajian peringkat ijazah dalam bahasa inggeris di Kolej Hamilton pada 1926, beliau amat berminat dalam bidang penulisan.

Beliau memberi tumpuan kepada kajian eksperimen daripada tokoh psikologi yang terkenal seperti John B. Watson dan Povlov. Eksperimen berkenaan adalah untuk mengkaji bagaimana anjing bertindak balas dan merembeskan air liurnya apabila mendengar bunyi loceng.

Setelah menamatkan pengajian beliau banyak menghasilkan penulisan dan kemudian beliau telah dilantik menjadi saintis di "National Academic of Science". Selain itu beliau juga telah menerima warren medal daripada "Society of Experimental Psychology" pada 1942, "Gold Medal of Distinguished Sceintific Contribution" daripada America Psychological Psychology dan National Medal of Sceince. Pada tahun 1990 beliau telah menerima anugerah daripada Association Psychological Society William James Fellow Award and American Psychological Association's Presidential Litation sebagai menghargai sumbangan beliau

terhadap bidang psikologi. Beliau telah menghembuskan nafas yang terakhir pada 18 Ogos 1990.

2.2 Identiti diri dari B. F. Skinner (ahli psikologi)

B.F Skinner merupakan perintis kepada fahaman radikal kerana beliau mengatakan manusia adalah organisma yang mempunyai perasaan dan fikiran selain itu dalam teori beliau faktor genetik tidak diambil kira sebagai pembolehubah kepada situasi tingkah laku dan seterusnya mempengaruhi pembentukan identiti individu.

Teori *behavioral* menunjukkan sikap luaran mempunyai perkaitan dengan proses di dalam minda kerana kedua-duanya adalah merupakan tindakan secara langsung. Beliau membuat analisis menggunakan pendekatan '*perhubungan fungsian*' atau lebih dikenali dengan kaitan sebab dan akibat ini kerana beliau mengaitkan suasana sosial dan persekitaran sosial dapat mempengaruhi tingkah laku individu serta ia dapat dilihat dan diuraikan berdasarkan objektif yang terperinci.

2.3 Teori: Behaviorism

Konsep dan prinsip yang digunakan oleh B.F Skinner, bagi setiap individu seseorang itu sentiasa mangambil tindakan sengaja dan beroperasi dalam proses pembelajaran ini kerana pembelajaran berlaku adalah secara berterusan dan tidak akan berhenti sehingga individu itu meninggal dunia. Tingkah laku manusia selalunya dapat dipelajari malah proses ini dipengaruhi daripada kesan positif dan kesan negatif akibat daripada tingkah laku. Setelah melakukan pelbagai eksperimen beliau telah membezakan tingkah laku manusia yang dapat mempengaruhi personaliti individu kepada dua iaitu tingkah laku operan dan tingkah laku responden.


2.3.1 Tingkah laku responden

Tingkah laku operan merupakan tindakbalas yang melibatkan tindak balas yang dirangsang oleh rangsangan tertentu dan tingkah laku yang berkenaan adalah tingkah laku yang dapat dipelajari dan tingkah laku yang berlaku secara automatik contohnya semasa kanak-kanak mereka telah diajar bagaimana menghormati orang tua dengan merendahkan suara apabila bercakap dengan orang yang lebih tua maka lama-kelamaan tingkah laku yang diajar berkenaan menjadi kebiasaan dalam kehidupan dan menjadi amalan dalam kehidupan kanak-kanak berkenaan sehingga dewasa dan tingkah laku berkenaan akan berlaku secara semulajadi atau automatik sekiranya mereka berhadapan dengan orang tua.

Tindak balas responden berlaku berdasarkan kepada pengukuhan (*reinforcement*) yang diletakkan dalam situasi berkenaan malah ia akan mempengaruhi keputusan yang diperolehi. Skinner percaya bukan semua tingkah laku dapat diadaptasikan dengan cara berkenaan kerana kebanyakkan tingkah laku berlaku secara spontan dan dengan sengaja bertindakbalas dengan persekitaran dan tindak balas berkenaan adalah lebih dikenali dengan tingkah laku operan. Tindak balas berikut adalah bergantung kepada peneguhan yang ada selepasnya malah ia bertindak ke atas persekitaran dan dapat mengubah persekitaran berkenaan.

2.3.2 Sorotan eksperimen

Skinner menggunakan eksperimen yang terdahulu sebagai titik permulaan untuk mengkaji tingkah laku dengan menggunakan eksperimen Ivan Povlov (1900-an).



Gambarajah 3 : Behaviorist view of learning - Eksperimen Ivan Pavlov
Sumber : Liebert R.M & Spiegler M.D (1990)

Eksperimen Pavlov merupakan kajian peringkat yang lebih tinggi adalah tingkah laku responden yang dipelajari dan ia dikenali sebagai 'pelaziman' (*conditioning*). Proses tersebut melibatkan pertalian diantara tingkah laku dan kesannya. Pavlov telah menjalankan eksperimen dengan menggunakan anjing. Hasil dapatan daripada eksperimen berkenaan beliau mendapati anjing berkenaan bertindak balas kepada ransangan neutral (lampa), ini adalah kerana anjing berkenaan telah dirangsang oleh ransangan lain iaitu makanan, kerana setiap kali makanan diberikan makanan lampu akan dinyalakan, dan apabila lampu dinyalakan anjing tetap bertindak balas dengan mengeluarkan air liur walaupun makanan tidak diberikan. Ini menunjukkan nyalaan lampu telah berubah fungsi daripada berfungsi kepada *ransangan neutral* kepada *ransangan terlazim*.


Eksperimen beliau dapat dilihat pada gambarajah 4 , yang menunjukkan gambarajah skema proses pelaziman yang dilakukan kepada anjing terhadap rangsangan.

Pada peringkat pertama menunjukkan peringkat sebelum proses pelaziman bermula di mana anjing berkenaan diberikan makanan tanpa ada sebarang pelaziman.

Manakala pada peringkat yang kedua menunjukkan semasa eksperimen dilakukan, proses pelaziman berlaku, semasa anjing diberikan makanan pada masa yang sama lampu dinyalakan dan proses berkenaan akan berlaku sepanjang tempoh yang ditetapkan.

Pada peringkat yang ketiga pula menunjukkan proses selepas perlaziman, bagaimana hasil daptan diperolehi, anjing akan terangsang sebaik sahaja lampu dipasangkan dengan mengeluarkan air liur walaupun pada masa berkenaan anjing tidak diberikan makanan.

Melalui eksperimen ini, tingkahlaku dapat dipelajari daripada persekitaran dan persekitaran dapat mengubah tingkahlaku individu contohnya dalam proses pembelajaran, pengalaman, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.



Gambarajah 4: Menunjukkan proses “*condition*” berlaku daripada Eksperimen Ivan Pavlov

Sumber: Liebert R.M & Spiegler M.D (1990)